



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG  
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

## SEMPENA

**PROGRAM SESI BERSAMA  
YB MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**6 OGOS 2024 [SELASA] | 3.00 PETANG**

**AUDITORIUM BAHAGIAN SUMBER  
DAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN,  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI,

## **SALUTASI**

\*disediakan secara berasingan

## **PENDAHULUAN**

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak pengajur kerana menjemput saya ke sesi bersama peserta ***Advanced Leadership & Management Programme***. Saya telah dimaklumkan bahawa ini adalah satu program yang dirangka bagi mempersiapkan kalian dengan kemahiran dan pengetahuan untuk menjadi pemimpin yang hebat dan efektif dalam organisasi.
2. Oleh yang demikian, dalam ruangan ini saya ingin berkongsi dengan kalian mengenai **hala tuju Kementerian Perpaduan Negara**. Sebuah kementerian yang ditubuhkan semula pada tahun 2020 dan diberi mandat sebagai pemacu agenda perpaduan negara dan integrasi nasional.

## **DASAR PERPADUAN NEGARA**

Hadirin yang saya hormati sekalian,

3. Kementerian Perpaduan Negara telah membangunkan **Dasar Perpaduan Negara (DPN)** merupakan dasar payung yang melakarkan usaha berterusan bagi memupuk, mengukuh dan memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat. Konsep **Perpaduan**

**Dalam Kepelbagaian** digunakan untuk melestarikan keharmonian kepelbagaian masyarakat di negara ini.

4. Dasar ini menetapkan hala tuju perpaduan negara dan bertindak sebagai pemangkin bagi pencapaian Malaysia sebagai sebuah negara yang **bersatu padu, harmoni dan makmur**. DPN merupakan **dasar pertama negara yang khusus kepada pengukuhan perpaduan dan integrasi nasional**.
5. Penggubalan tunjang kepada teras dan strategi DPN ialah **Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara**. Sejarah dan semangat di sebalik Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara perlu dihayati dan diamalkan oleh semua lapisan masyarakat dan menjadi asas kepada semua dasar Kerajaan.
6. Dasar ini perlu dijadikan panduan kepada semua pihak; tidak kira Kementerian dan Agensi Kerajaan, sektor swasta, NGO dan masyarakat civil serta seluruh rakyat Malaysia agar semua dapat memainkan peranan masing-masing dalam menyemarakkan perpaduan berdasarkan kemampuan setiap golongan masyarakat.
7. Setiap rakyat Malaysia yang menghargai keharmonian negara seharusnya melibatkan diri dalam usaha untuk mencapai matlamat **Agenda perpaduan negara memerlukan komitmen dan usaha semua pihak dan merupakan tanggungjawab bersama**. Setiap rakyat Malaysia perlu memainkan peranan masing-masing dalam mencapai agenda perpaduan di peringkat individu, keluarga dan komuniti.

## **HALA TUJU KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

8. Melihat kepada peri pentingnya seluruh rakyat **memahami sejarah, ketamadunan, kenegaraan, warisan negara serta kesukarelawan**, Kementerian Perpaduan Negara telah diperkujuh dengan 7 agensi di bawahnya:
  - i. **Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional**
  - ii. **Jabatan Muzium Malaysia**
  - iii. **Arkib Negara Malaysia**
  - iv. **Perpustakaan Negara Malaysia**
  - v. **Yayasan Tunku Abdul Rahman**
  - vi. **Yayasan Tun Razak**
  - vii. **Yayasan Sukarelawan Siswa**
9. Seiring dengan pengumuman dasar pembangunan Malaysia MADANI oleh YAB Perdana Menteri, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) membangunkan **Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI** yang memberi tumpuan kepada pelaksanaan program dan aktiviti dibawah *flagship* Kembara Perpaduan Malaysia MADANI. Pelaksanaanya bertujuan untuk meningkatkan **semangat perpaduan, kenegaraan, kebersamaan, hormat menghormati, kasih sayang, muhibbah dan kesukarelawanan**.

10. Kembara Perpaduan Malaysia MADANI memayungi **tiga (3) kluster** program yang berpaksikan kepada objektif dan teras Dasar Perpaduan Negara iaitu **patriotisme dan demokrasi, identiti nasional dan ekosistem perpaduan**. Tiga (3) kluster program iaitu:

i. **Semarak Kenegaraan**

Program kenegaraan yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan tentang cita-cita dan prinsip Rukun Negara serta sejarah ketamadunan negara bagi mengukuhkan jati diri dan semangat cintakan negara dalam kalangan semua lapisan masyarakat.

Contoh program:

- Citra Nusa@Muzium
- Eksplorasi Rukun Negara
- Program Mengenang Negarawan
- Semarak Muzium
- Ini Warisan Kita

ii. **Semarak Perpaduan**

Program untuk menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya bersesuaian dgn konsep perpaduan dalam kepelbagaian.

Contoh program:

- Sambutan Minggu Perpaduan
- Galeri UNITI
- Foodunites

- Liga Sukan Uniti
- Inisiatif Harmoni Madani (Jejak Harmoni, Podcast: Bicara Harmoni ;Interfaith Dialog ;Dokumentari Harmoni; Wacana Harmoni; Sambutan Hari Toleransi Sedunia; dan Sambutan Minggu Keharmonian Antara Agama Sedunia)

### **iii. Komuniti Rahmah**

Program yang dirangka bagi membina komuniti yang mampan dan rahmah khususnya dalam Kawasan Rukun Tetangga yang menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan dengan saling menghormati, mengasihi dan menghargai melalui penggembangan tenaga semua pihak KPN, agensi Kerajaan, swasta, NGO dan komuniti.

Contoh program:

- Bantuan Bakul RAHMAH
- Tuisyen KAMI
- Gerak RAHMAH: Jom Ronda SRS

11. Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI yang dihasilkan oleh kementerian ini merupakan usaha penyatupaduan yang berterusan untuk mendidik dan membentuk peribadi serta tingkah laku masyarakat Malaysia selari dengan cita-cita dan prinsip Rukun Negara. Kekuatan dalam kepelbagaian rakyat kita adalah kunci utama dalam melonjakkan prestasi Malaysia dalam soal kestabilan ekonomi dan pelaburan (*Unity in Diversity is the ultimate strength*).

12. Pendekatan melalui “***whole of government approach***” iaitu kerjasama antara agensi Kerajaan merentasi sempadan portfolio amat diperlukan bagi merealisasikan matlamat pembangunan Malaysia MADANI dan perpaduan negara.
13. Oleh itu, Kementerian telah mengambil pendekatan melalui pelaksanaan program (*programme based*) untuk merapatkan jurang sosial antara rakyat Malaysia sekaligus meraikan kepelbagaian budaya, adat resam, perayaan dan warisan. Tema Kementerian juga selari dengan matlamat ini iaitu **Membudayakan Perpaduan, Meraikan Kepelbagaian.**
14. Selain itu, Kementerian melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) berperanan penting dalam membantu mengurus isu perpaduan. Antara mekanisme pengurusan isu perpaduan yang sedang dilaksanakan oleh JPNIN adalah pengesahan dan pemantauan isu perpaduan di peringkat akar umbi melalui:
  - I. **Sistem E-Sepakat** : JPNIN telah membangunkan Sistem Maklumat Perpaduan (SISMAP) sejak tahun 2009 lagi. Salah satu modul dalam SISMAP yang dibangunkan adalah E-Sepakat. Modul e-Sepakat diperkenalkan sebagai mekanisme dalam JPNIN bertujuan untuk gerak kerja pengesahan, pemantauan dan pelaporan isu perpaduan secara digital bagi menggantikan kaedah manual. Penggunaan sistem ini melibatkan peranan pengguna (user) di kalangan Pegawai

Perpaduan di peringkat Daerah, Negeri dan Ibu Pejabat secara menyeluruh.

- II. **Dashboard Analitik Perpaduan** - Manakala Dashboard Analitik Perpaduan pula menyokong kepada sistem E-Sepakat dalam meningkatkan lagi kecekapan gerak kerja pengurusan isu keharmonian masyarakat melalui pemetaan (*mapping*) kawasan-kawasan yang berisiko tinggi (*high-risk*) dan panas (*hot-spot*) yang mampu mengganggu gugat keharmonian antara kaum dan agama.
  
- III. **Mediator Komuniti sebagai pendamai masyarakat**- Kementerian melalui JPNIN telah memperkenalkan Program Mediator Komuniti sejak 2009 secara berstruktur yang bertujuan untuk melatih pemimpin Rukun Tetangga (RT), Pegawai Perpaduan dan NGO Agama untuk menjadi pendamai masyarakat yang dikenali sebagai Mediator Komuniti dalam membendung dan mengurus isu-isu perpaduan atau konflik sosial di peringkat komuniti. Ketika ini, Kementerian mempunyai seramai **562 orang Mediator Komuniti** bertauliah dan terlatih yang bersedia untuk **memberikan perkhidmatan kepada masyarakat secara percuma**. Tiada bayaran yang dikenakan kepada mana-mana orang awam untuk mendapatkan perkhidmatan ini tertakluk kepada skop perkhidmatan Mediator Komuniti.

Hadirin yang saya muliakan sekalian,

## **PENUTUP**

Tuan/Puan yang dihormati,

15. Kerajaan sememangnya memainkan peranan penting dalam menggubal dasar yang bersesuaian untuk memastikan perpaduan masyarakat Malaysia sentiasa berada pada tahap yang terkawal. Namun apa yang penting usaha yang digerakkan kerajaan disambut baik semua pihak dalam memainkan peranan bersama merealisasikan agenda perpaduan yang telah ditetapkan.
16. Oleh itu, adalah penting untuk kita semua menerapkan dan menyebarluaskan konsep asas integrasi nasional iaitu **Faham, Hormat** dan **Terima** bagi memastikan budaya keharmonian antara masyarakat sentiasa terpelihara dan kekal selamanya menjadi milik kita semua.
17. Saya ingin berkongsi satu kata-kata '***Alone we can do so little; together we can do so much (Helen Keller)***'. Kebersamaan antara kita dengan meletakkan kepentingan rakyat melebihi segalanya tentunya akan membawa hasil buat negara tercinta ini. Akhir kata, semoga tuan-tuan dan puan-puan berjaya dengan cemerlang dalam Kursus Advanced Leadership & Management Programme dan menjadi pemimpin yang hebat dalam organisasi masing-masing.

Sekian, terima kasih.